

PM minta syarikat GLC pertimbang bantuan hari raya kepada kakitangan

BERITA HARIAN

03 APR 2024 m/s: 2

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta agensi, badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mempertimbangkan bantuan Aidilfitri kepada kakitangan masing-masing.

“Kalau dah beri okay, kadang-kadang masuk skim (gaji). Kalau belum, berilah pertimbangan untuk ratusan ribu pekerja di bawah kelolaan kita secara keseluruhan.

“Ini supaya mereka dapat bantuan untuk meringankan beban menyambut Aidilfitri,” kata Perdana Menteri ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin.

Anwar juga menyarankan institusi perbankan memberi pertimbangan sama dengan menyua-

lurkan bantuan kepada kakitangan mereka untuk menyambut hari raya.

“Bank-bank, boleh beri pertimbangan, atas (bergaji besar) tak boleh kita bantu, tapi (kakitangan) tengah dan bawah. Belajar daripada keputusan kita (kerajaan), (Gred) 56 ke bawah. Maknanya kita bantu, tapi kita juga tahu bahawa bantuan itu lebih kepada pegawai peringkat tengah dan bawah,” katanya.

Perdana Menteri mengakui keputusan menyalurkan Bantuan Kewangan Khas Aidilfitri (BKKA) 2024 kepada kakitangan kerajaan seperti diumumkankannya kelmarin adalah tepat kerana masih ada penjawat awam peringkat bawah mengeluh dengan peningkatan kos sara hidup, terutama bagi menyambut Aidilfitri.

“Saya fikir (mengenai BKKA), nak tidur pun terganggu. Jadi, saya fikir bagi sikit (bantuan), sekurang-kurangnya meredakan



Antara pegawai dan kakitangan yang hadir mendengar amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

sikit (beban) dan kerja pun bersemangat. Harap berbelanja dengan cermat dan berhemat,” katanya.

Pererat perpaduan kaum

Dalam perkembangan lain, Anwar menerusi catatan di laman Facebook semalam, berharap agar pertubuhan Islam di Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam memacu usaha mencerdaskan umat dan memupuk perpaduan dalam konteks masyarakat majmuk.

Perdana Menteri menyua-

kan harapan itu ketika menerima kunjungan hormat pimpinan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) yang diketuai presidennya, Datuk Ahmad Azam Abdul Rahman kelmarin.

Katanya, mauduk pertemuan itu berkisar kepada cabaran gerakan dakwah, pemikiran Islam dan peranan badan bukan kerajaan dalam isu umat Islam peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Anwar melalui Setiausaha Politik beliau, Farhan Fauzi menyampaikan sumbangan kepada waris Pengerusi

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Allahyarham Fuad Yaacob yang meninggal dunia pada 23 Mac lalu.

“Saya mendoakan semoga Allah SWT mencururi rahmat ke atas rohnya dan menempatkan arwah dalam kalangan orang yang beriman dan beramal soleh,” kata Anwar dalam catatan itu.

Semasa hayatnya, Allahyarham aktif memperjuangkan hak pesawah, menyuarakan setiap permasalahan yang dihadapi mereka dengan lantang dan tegas.